

## Malaysia sasar peningkatan 40 peratus penggunaan teknologi nuklear dalam STIE

Astro Awani

September 20, 2023 17:26 MYT

PUTRAJAYA: Malaysia menasaskan peningkatan sebanyak 40 peratus penggunaan teknologi nuklear dalam bidang khusus sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE) daripada data asas bidang STIE semasa.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Chang Lih Kang berkata, sasaran itu mampu dicapai menerusi kerangka Dasar Teknologi Nuklear Negara 2030 (DTNN 2030) beserta dokumen pelan tindakan yang telah disediakan.

Jelas beliau, DTNN 2030 meletakkan strategi yang kukuh bagi menjayakan transformasi bidang teknologi nuklear.

"Ia bakal dipacu melalui kerjasama awam dan swasta bagi meningkatkan tahap penerimaan teknologi ini.

"Melalui pelaksanaan DTNN 2030, bidang penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan dan inovasi akan terus menjadi tonggak dalam pembangunan bidang sains, teknologi dan inovasi di bawah MOSTI.

"Sejajar dengan ini, kerjasama dan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan akan memacu kemajuan teknologi nuklear di Malaysia, yang akan membuahkann manfaat kepada rakyat," katanya ketika berucap merasmikan Dasar Teknologi Nuklear Negara 2030 di sini pada Rabu.

Mengulas lanjut, Lih Kang berkata, dengan memanfaatkan teknologi nuklear yang selamat dan berhemah, Malaysia dapat memenuhi keperluan sosioekonomi termasuk membuka peluang ekonomi dan pekerjaan baharu.

Pada masa yang sama, beliau berkata pelaksanaan DTNN 2030 akan membolehkan negara memaksimumkan manfaat penggunaan teknologi nuklear secara aman untuk pembangunan sosioekonomi negara dan meletakkan Malaysia setanding dengan negara-negara maju yang lain.

"Untuk tujuan ini, DTNN 2030 menetapkan empat Teras Strategik, 18 Strategi dan 13 sasaran utama melibatkan pihak berkepentingan dalam pelbagai sektor ekonomi yang telah dikenal pasti bagi mencapai visi dan hala tuju ekosistem teknologi nuklear negara.

"Selain itu, dasar ini telah mengenal pasti enam Sektor Fokus Utama sebagai sektor yang boleh dipertingkatkan keupayaannya melalui penggunaan teknologi nuklear.

"Antaranya sektor perubatan dan penjagaan kesihatan; makanan dan pertanian; pembuatan peranti dan peralatan; pengurusan alam sekitar dan sumber asli; aplikasi perindustrian; serta keselamatan dan sekuriti nuklear," katanya.

Katanya lagi, Nuklear Malaysia akan bertindak sebagai agensi penyelaras untuk platform kerjasama nasional termasuk projek strategik berkaitan teknologi nuklear.

"Nuklear Malaysia akan menerajui Jawatankuasa Teknikal Teknologi Nuklear Kebangsaan di mana ahlinya terdiri daripada pakar teknikal daripada agensi kerajaan yang berkaitan, institusi berasaskan negeri, pengawal selia, sektor swasta dan ahli akademik.

"Jawatankuasa ini akan berperanan untuk menyelaras, meneliti serta menasihati aspek teknikal berkaitan teknologi nuklear dalam pelaksanaan dasar ini," jelasnya.